

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH  
TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) tahun 2023 bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) telah selesai dilaksanakan pada 19 Januari 2024. Seramai **3,210 orang MBPK** dari 725 buah sekolah di seluruh negara telah menamatkan persekolahan bagi sesi akademik 2023/2024 dan layak menerima Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM).

SASM tahun 2023 bagi MBPK akan dikeluarkan pada **11 Mac 2024 (Isnin)** dan boleh diperoleh dari sekolah masing-masing **mulai pukul 10.00 pagi**.

KPM sentiasa komited untuk terus memastikan ekuiti dan kesamarataan pendidikan terjamin untuk semua murid seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. SASM adalah cerminan agenda pendidikan manusawi KPM yang memastikan akses pendidikan yang terbaik untuk semua murid dan tiada siapa yang terpinggir.

**-TAMAT-**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
4 MAC 2024**